

## **DATA PERIBADI DAN NOTIS PRIVASI**

Favelle Favco Berhad dan kumpulan syarikatnya (\*\*lihat senarai lengkap syarikat-syarikat di bawah) ("**Kumpulan Favelle Favco**") menghormati privasi anda. Data Peribadi anda dilihat dan dipandang serius oleh kami.

Data Peribadi dan Notis Privasi ini dikeluarkan kepada semua pemohon / pelajar biasiswa Favelle Favco Berhad, selaras dengan syarat-syarat Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010.

### **Pengumpulan Maklumat Peribadi & Data**

Dalam proses permohonan anda untuk mendapatkan sebuah biasiswa dan / atau untuk tempoh Perjanjian Biasiswa Favelle Favco Berhad ("Perjanjian Biasiswa") (sekiranya ada), kami akan meminta agar anda memberikan data dan maklumat mengenai diri anda dan ahli keluarga anda ("Data Peribadi").

Data Peribadi yang sedemikian mungkin termasuk maklumat seperti butir-butir yang terdapat pada kad pengenalan,, umur, nombor yang boleh dihubungi, butiran pasport, warganegara, jantina, alamat kediaman, e-mel, tarikh lahir, status perkahwinan, butiran pendidikan, kelayakan akademik, kursus yang ingin diambil, aktiviti-aktiviti sekolah, butiran keluarga; dan mungkin dalam beberapa keadaan, termasuk maklumat-maklumat sensitif seperti kesihatan fizikal atau mental, pendapat-pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat sama, perlakuan ,tuduhan perlakuan dan/atau dakwaan terhadap sesuatu kesalahan, dan data lain sedemikian yang diperlukan bagi tujuan perjanjian biasiswa tersebut.

Semasa wabak Penyakit COVID-19, kami akan mengumpul status kesihatan anda, penilaian kesihatan anda, rekod perjalanan, kuarantin, status vaksinasi dan apa-apa maklumat lain yang diperlukan atau disyorkan untuk dipegang berkaitan dengan kawalan atau pengurusan wabak penyakit tersebut.

### **Mengapa kami mengumpul Data Peribadi?**

Data peribadi yang anda berikan akan dikumpul, diguna atau diproses oleh kami untuk, tetapi tidak terhad, tujuan-tujuan yang berikut (secara kolektif, "Tujuan"):

- (a) untuk penilaian permohonan biasiswa

- (b) untuk tujuan yang bakal berhubungkait dengan pekerjaan menurut tempoh perkhidmatan wajib di bawah Perjanjian Biasiswa Favelle Favco Berhad;
- (c) untuk menyelia, menilai dan menaksir prestasi pelajar-pelajar biasiswa ketika tempoh masa biasiswa;
- (d) untuk memudahkan pembayaran biasiswa dan pengurusan pentadbiran lain yang berhubung dengan award / pemberian biasiswa;
- (e) untuk tujuan simpanan rekod dalaman;
- (f) memenuhi sebarang syarat undang-undang atau regulatori yang berkaitan dengan pemberian biasiswa kepada anda, dan untuk membuat pendedahan di bawah kehendak-kehendak sebarang undang-undang yang boleh dipakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang boleh dipakai oleh kami;
- (g) membolehkan kami menghubungi anda dan mengirim maklumat kepada anda melalui e-mel atau cara-cara telekomunikasi (panggilan-panggilan telefon atau pesanan-pesanan teks); dan
- (h) sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan atau perlu bagi membolehkan Favelle Favco Berhad memberi anda biasiswa atau bagi membolehkan anda atau Favelle Favco Berhad melaksanakan kewajipan-kewajipan kami di bawah Perjanjian Biasiswa Favelle Favco Berhad.

**Apakah kesan yang akan/mungkin timbul akibat kegagalan untuk memberikan Data Peribadi?**

Kegagalan membekalkan Data Peribadi yang sedemikian akan/boleh menyebabkan kami tidak dapat:-

- (a) menilai / menaksir permohonan biasiswa anda / dan prestasi anda ketika tempoh biasiswa tersebut;
- (b) melaksanakan kewajipan-kewajipan kami di bawah perjanjian biasiswa tersebut,

termasuk pembayaran dana biasiswa; dan

(c) menghubungi anda untuk komunikasi yang diperlukan di bawah perjanjian tersebut.

### **Pendedahan**

Data peribadi yang diberikan kepada kami akan secara umumnya dirahsiakan. Akan tetapi dalam sesetengah keadaan kami mungkin akan mendedahkan data peribadi anda kepada kategori pihak lain dan dengan ini anda memberi kebenaran dan autoriti kepada kami untuk memberikan atau mendedahkan Data Peribadi kepada kategori-kategori pihak yangberikut:-

- (a) mana-mana pihak yang kami terpaksa atau dikehendaki mendedahkan di bawah undang-undang, peraturan, perintah mahkamah dan sebagainya;
- (b) agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa statutori dan regulator-regulator industri;
- (c) juru audit kami, perunding, akauntan, penanggung insurans, peguam, atau penasihat kewangan atau professional lain; dan
- (d) sub-kontraktor kami atau perkhidmatan pihak ketiga atau pembekal-pembekal produk rakan kongsi perniagaan kami, pelanggan kami seperti mana yang boleh ditentukan sebagai perlu atau berpatutan.
- (e) Kumpulan Favelle Favco (\*\* lihat senarai lengkap syarikat-syarikat di bawah)

### **Pelindungan**

Kami akan menyimpan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang selamat. Kami berusaha, di mana ianya boleh dipraktik, untuk melaksanakan pelindungan keselamatan dan pentadbiran yang sewajarnya serta prosedur-prosedur menurut undang- undang yang berkaitpaut dan peraturan untuk mencegah penggunaan yang tidak dibenarkan atau yang salah di sisi undang-undang bagi Data Peribadi dan kehilangan atau pemusnahan secara tidak sengaja terhadap, atau kerosakan pada, Data Peribadi yang sedemikian.

## **Pemindahan dan Pekongsian Data**

Di mana kami anggap sebagai perlu atau wajar untuk tujuan penyimpanan data atau pemprosesan atau memberikan sebarang perkhidmatan atau serahan bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi kepada perkhidmatan pihak ketiga /pembekal-pembekal produk atau kepada Kumpulan Favelle Favco, di dalam atau di luar negara, di bawah keadaan kerahsiaan dan tahap perlindungan keselamatan yang sama.

## **Hak Anda bagi Akses dan Pembedulan**

Anda mempunyai hak untuk meminta akses dan membuat pembedulan kepada Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan berhubung dengan hal ini, anda boleh:

- (a) menyemak sama ada kami telah memegang atau mengguna Data Peribadi yang sedemikian dan meminta akses kepada data yang sedemikian;
- (b) meminta supaya kami membetulkan sebarang Data Peribadi yang tidak betul, tidak lengkap atau tidak dikemaskini ;
- (c) meminta supaya kami menentukan atau menerangkan dasar serta prosedur berhubung data dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami.

Permintaan bertulis untuk mendapat akses kepada Data Peribadi atau pembedulan Data Peribadi atau untuk mendapat maklumat berhubung dasar dan prosedur serta jenis-jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami boleh dibuat kepada:

Pegawai PDPA, Favelle Favco Berhad

Alamat : Lot 586, 2<sup>nd</sup> Mile, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan

Telefon : +603 3349 5465

Faks : +603 3342 9807

Emel : [pdpa@favellefavco.com.my](mailto:pdpa@favellefavco.com.my)

Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi yang semunasabahnya perlu untuk memenuhi tujuan yang kami kumpulkan, termasuk untuk sebarang keperluan operasi, undang-undang, pengawalseliaan, cukai, perakaunan atau pelaporan.

## **Persetujuan Pihak Ketiga**

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, pihak hubungan kecemasan anda, majikan/majikan terdahulu, wakil-wakil yang diberikan kuasa, perujuk (“referee”), peguam, ahli kewangan) kepada kami, kami bergantung kepada anda untuk memperoleh dengan secukupnya terlebih dahulu persetujuan pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami untuk memproses data peribadi mereka berkenaan Tujuan tersebut.

## **Perubahan Dasar Privasi Kami**

Kami berhak untuk meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Kami menasihatkan anda menyemak Dasar Privasi kami ini dari semasa ke semasa.

Selaras dengan akta perlindungan data peribadi, Notis Privasi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

### **\*\*Senarai Kumpulan Syarikat Favelle Favco:**

- 1 *Favelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd*
- 2 *Favelle Favco Cranes Pte. Ltd.*
- 3 *Favelle Favco Cranes (USA), Inc.*
- 4 *Favelle Favco Cranes Pty. Limited*
- 5 *FF Management Pty. Limited*
- 6 *Milperra Blasting and Coating Pty. Limited*
- 7 *Krøll Cranes A/S*
- 8 *FES Equipment Services Sdn Bhd*
- 9 *Favelle Favco Winches Pte Ltd*
- 10 *Shanghai Favco Engineering Machinery Manufacturing Co., Ltd*
- 11 *Favco Offshores Sdn Bhd*
- 12 *Favelle Favco Machinery And Equipment L.L.C*
- 13 *Favco Heavy Industry (Changshu) Co., Ltd.*  
*(Formerly Known As Favco Equipment (Shanghai) Co., Ltd.*
- 14 *Exact Automation Sdn Bhd*
- 15 *Sedia Teguh Sdn Bhd*
- 16 *Exact Analytical Sdn Bhd*
- 17 *Exact Oil & Gas Sdn Bhd*